

**22/06/2014 - Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Mini Karnival Sukan  
MAKSAK Malaysia 2014**

Bismillahir rahmanir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi

Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam merangkap Timbalan Yang Dipertua  
MAKSAK Malaysia,

YBhg. Datuk Othman Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM  
merangkap Naib Yang Dipertua MAKSAK Malaysia,

YBhg. Datuk Jamil Salleh, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan  
merangkap Naib Yang Dipertua MAKSAK Malaysia,

YBhg. Dato' Sri Hj. Zulkifli bin Omar

Ketua Pengarah Penjara merangkap

Naib Yang DiPertua MAKSAK,

Yang Dipertua dan Pengerusi Badan-badan Gabungan MAKSAK,

Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja MAKSAK Malaysia dan badan-badan gabungan  
MAKSAK,

Ketua-ketua jabatan dan agensi Kerajaan serta wakil,

Yang diraikan para atlet dan pegawai dari 18 kontinjen badan gabungan MAKSAK  
Malaysia,

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan keizinan Nya jua, kita semua dapat bertemu dalam Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Kejohanan Mini Karnival Sukan MAKSAK Malaysia 2014 pada petang yang berbahagia ini.

2. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran para tetamu terutamanya para atlet dan pegawai berjumlah kira-kira 1,500 orang dan para pegawai daripada kesemua 18 badan gabungan MAKSAK ke majlis ini. Sesungguhnya kehadiran serta sokongan saudara dan saudari semua terhadap kejohanan ini amat dihargai dan menjadi bukti eratnya hubungan kita semua dalam keluarga MAKSAK.

3. MAKSAK mempunyai sejarah dan tradisi kecemerlangannya yang tersendiri dalam arena sukan negara sejak ianya mula ditubuhkan pada 1956. Nama-nama seperti Tan Sri Dr. M. Jegathesan, Datuk Marina Chin, Allahyarham Tan Sri Abdul Ghani Minhat, Allahyarham Dato' Mokhtar Dahari, Dato' Zaiton Othman dan Rabuan Pit merupakan antara nama-nama besar sukan negara yang muncul melalui kejohanan sukan MAKSAK. Legasi kecemerlangan ini diteruskan pula oleh bintang-bintang seperti Sazali Samad (dari sukan bina badan), Nor Suryani Taibi (dari sukan menembak) dan Jironi Riduan (dari sukan olahraga) yang telah juga mengharumkan nama negara di persada antarabangsa. Bak kata orang, sebut sahaja apa sukan, pasti ada penjawat awam yang mewakili negara dalam sukan tersebut. Namun ini tidak bermakna kita boleh berbangga dengan pencapaian tersebut. Perancangan, strategi dan usaha perlu dirangka dan diteruskan dalam memastikan Perkhidmatan Awam Malaysia akan terus dapat melahirkan bintang-bintang sukan muda untuk mewakili negara di persada antarabangsa.

4. Persekitaran sukan negara pada masa ini telah banyak berubah di mana pihak Kerajaan dan swasta kini bekerjasama erat dalam menyokong pertumbuhan sukan negara di samping memastikan kebajikan para atlet juga terjaga. Menyedari

hakikat ini, MAKSAK mengorak langkah untuk memperkenalkan Skim Insentif Sukan MAKSAK pada tahun 2012 bagi mengiktiraf kejayaan para atlet Perkhidmatan Awam yang telah mencapai kejayaan di peringkat antarabangsa. Insentif ini merupakan bukti sokongan MAKSAK kepada para atlet Perkhidmatan Awam dan sebagai satu bentuk motivasi bagi mereka untuk terus berusaha mencapai kejayaan dalam sukan masing-masing.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

5. MAKSAK juga sedar bahawa tugas melahir serta membangunkan atlet bukannya tugas yang mudah, dan memerlukan kerjasama pelbagai pihak bagi memastikan lebih ramai wira-wira sukan negara di kalangan anggota Perkhidmatan Awam dapat dilahirkan untuk membawa cabaran sukan negara di arena global. Di sini saya ingin menyeru para jurulatih dan atlet muda Perkhidmatan Awam yang semakin meningkat naik untuk membuat anjakan paradigma dengan menerapkan elemen sains dan teknologi sukan dalam meningkatkan lagi prestasi masing-masing. Inovasi dalam sukan kini dilihat sangat penting, dan perbezaan antara yang menang dan kalah hanya dipisahkan oleh satu 'garisan halus'.

6. Penganjuran Mini Karnival Sukan MAKSAK Malaysia 2014 juga merupakan manifestasi usaha MAKSAK bagi menimbulkan semangat serta kesedaran kepada agensi-agensi Kerajaan untuk terus menyokong serta membudayakan sukan. Format baru yang mula diperkenalkan ini juga membolehkan kesemua 18 badan gabungan MAKSAK Malaysia turut serta dalam satu kejohanan yang melibatkan 6 acara sukan iaitu olahraga, bowling, golf, tenis, ping pong dan hoki dewan. Saya melihat pengenalan format baru ini juga sebagai antara usaha transformasi dalam MAKSAK dan saya berharap agar ianya akan mencetus inspirasi kepada semua agensi Kerajaan di pelbagai peringkat untuk menggiatkan lagi aktiviti sukan.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Selaku Yang Dipertua MAKSAK Malaysia, saya sentiasa menyokong dan komited terhadap pelaksanaan program yang mampu menjulang nama MAKSAK dan Perkhidmatan Awam Malaysia. Sehubungan itu ingin saya umumkan di sini bahawa bersempena kepengerusian ASEAN oleh Malaysia pada tahun 2015, MAKSAK Malaysia akan membentangkan cadangan kepada negara anggota ASEAN mengenai hasrat Malaysia untuk menjadi tuan rumah kepada 1st ASEAN Public Service Games 2015. Kejohanan ini bakal mengumpulkan atlet dan pegawai Perkhidmatan Awam di kalangan negara ASEAN dalam satu kejohanan sukan berbentuk karnival. Saya amat teruja dengan idea ini dan percaya program ini mampu melonjakkan nama MAKSAK Malaysia serta memberi peluang kepada atlet perkhidmatan awam untuk meningkatkan prestasi demi membawa nama perkhidmatan awam Malaysia di peringkat Asia Tenggara. Semestinya pihak MAKSAK Malaysia memerlukan sumbangan tenaga, kepakaran dan pengalaman dalam menjayakan kejohanan ini dan saya percaya ramai di antara kita akan menyumbang dalam penganjuran kejohanan ini dalam pelbagai kapasiti.

8. Kepada para pemenang dalam kejohanan Mini Karnival ini, tahniah dan syabas diucapkan. Semoga kejayaan ini akan menjadi inspirasi kepada semua atlet Perkhidmatan Awam untuk terus cemerlang dalam bidang sukan dan menjadi *role model* kepada para penjawat awam yang lain. Kepada yang tidak berjaya terima kasih atas penyertaan dan teruskan latihan dan berusaha dalam kejohanan yang akan datang. Sebagai inspirasi bersama, saya ingin memetik kata-kata legenda bola keranjang dunia, Micheal Jordan.

*"I've missed more than 9000 shots in my career. I've lost almost 300 games. 26 times, I've been trusted to take the game winning shot and missed. I've failed over and over and over again in my life. And that is why I succeed."*

9. Akhir kata, saya ingin menyampaikan rasa penghargaan dan terima kasih kepada Yang Dipertua dan kepimpinan badan gabungan MAKSAK yang bertindak sebagai pengelola bersama iaitu MAKSAK Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Majlis Sukan Angkatan Tentera Malaysia, Majlis Sukan Polis Diraja Malaysia dan Majlis Sukan Penjara. Juga kepada pihak Majlis Sukan Negara, Institut Sukan Negara dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atas kerjasama dalam menyediakan venue pertandingan. Tidak lupa kepada kesemua 18 kontinjen badan gabungan MAKSAK Malaysia, agensi awam mahupun swasta atas komitmen dan kesungguhan dalam menjayakan penganjuran Mini Karnival Sukan MAKSAK Malaysia 2014.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini mengisytiharkan 'Kejohanan Mini Karnival Sukan MAKSAK Malaysia 2014' ditutup dengan rasminya.

Sekian,

Wabillahittaufik

walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.